KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	01.02.22 (SELASA)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	TENAGA NASIONAL BERHAD			

Ramai pengilang terkesan kenaikan caj elektrik

Kenaikan tarif elektrik untuk pengguna komersial dan industri bermula esok semestinya akan memberikan sedikit tekanan kepada pengusaha pengilang.

Bagaimanapun 80 peratus daripada pengusaha Melayu adalah dalam industri servis jadi ia tidak akan menjadi bebanan kepada kebanyakan mereka, kata Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Abdul Halim Husin.

"Namun pengilang dan dari industri lain yang menggunakan tenaga elektrik yang banyak akan sedikit terjejas.

"Tambahan pula apabila kos barangan asas bagi pembuatan naik sehingga 10 ke 30 peratus dan ini akan meningkatkan kos pengeluaran dan seterusnya meningkatkan harga di pasaran," katanya mengulas kesan kenaikan kadar tarif elektrik kepada *BH*, semalam.



Tarif elektrik untuk pengguna industri naik mulai esok. (Foto hiasan)

Mengulas lanjut Abdul Halim, berkata pihaknya melihat Tenaga Nasional Bhd (TNB) dalam keadaan terpaksa untuk menaikkan tarif ini.

"Kita bersimpati kepada TNB kerana kos arang batu naik sehingga 65 peratus sejak beberapa bulan lalu.

"Malah, mengikut dasar tarif yang dibuat pada 2014 lalu, kita memang terpaksa menaikkan harga tarif.

"Bagaimanapun kita berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana masih lagi memberi subsidi terhadap pengguna domestik.

"Jika kita menaikkan tarif terhadap pengguna domestik kita akan mengalami kesan berganda (double whammy) dan rakyat yang akan menanggung semua penderitaan," katanya.

> "Tambahan pula apabila kos barangan asas bagi pembuatan naik sehingga 10 ke 30 peratus dan ini akan meningkatkan kos pengeluaran dan seterusnya meningkatkan harga"



Abdul Halim Husin,
Presiden DPMM